

# Anak Kelantan sedia bantu UMNO tawan semula negeri — Mustapa

UM 10 DEC 2002

KOTA BHARU 9 Dis. — Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed berkata, sebahagian besar anak Kelantan di luar negeri memberi pengakuan bersedia membantu UMNO bagi menawan semula negeri ini daripada Pas.

Katanya, mereka terdiri daripada pelbagai peringkat termasuk ahli akademik, tokoh perniagaan, alim ulama dan pegawai kerajaan.

“Kesediaan ini antaranya adalah hasil usaha UMNO negeri merapatkan hubungan dengan mereka melalui majlis penerangan kenapa Kelantan perlu diperintah Barisan Nasional (BN),” katanya kepada pemberita selepas majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama pemimpin di sini, hari ini.

Pengerusi KUB Berhad, Datuk Hassan Harun dan Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Dr. Awang Adek Husain adalah antara yang hadir pada majlis itu.

Mustapa berkata, kini terdapat 10 kumpulan anak Kelantan di luar negeri ini yang dianggotai antara 300 dan 400 orang bagi satu kumpulan.

Katanya, mereka sudahpun bergerak dengan memberikan penjelasan pekara sebenar kepada keluarga masing-masing sejak pulang musim cuti Aidilfitri.

“Gerakan yang bersepadu akan dilancarkan pada awal tahun depan sehingga ke pilihan raya umum akan datang.

Beliau percaya masih ramai anak Kelantan yang berjaya mendapat nikmat di luar negeri sanggup memberi khidmat bagi kekuatan UMNO negeri ini sekiranya ada mana-mana pihak berusaha menggerakkannya.

Katanya, mereka kini menyedari bahawa nikmat yang diperoleh di negeri orang adalah hasil pembangunan kerajaan BN yang perlu dihargai.

Sehubungan itu beliau menyeru anak-anak Kelantan yang berada luar negeri supaya dapat memainkan peranan membantu BN dalam usaha menjayakan hasrat menawan Kelantan.

Selain itu katanya, rakyat Kelantan seharusnya berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang terus memberi kepercayaan kepada anak Kelantan yang berkebolehan seperti pelantikan Dr. Awang Adek sebagai Pengerusi baru TNB.

Menurutnya, beliau percaya pelantikan itu dapat membawa kemajuan kepada TNB serta dapat membantu memperkukuhkan kedudukan UMNO di negeri ini.